

29/07/1997

Pupuk budaya senggara pesawat

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak yang terbabit dalam industri penerbangan di negara ini membentuk budaya penyenggaraan di semua peringkat bagi menjamin keselamatan pengguna dan pelaburan yang besar.

Menurut Perdana Menteri, pesawat terbang amat memerlukan penyenggaraan yang rapi, terutama dalam aspek mekanikal supaya tidak berlaku kerosakan yang menyebabkan nahas sehingga mengorbankan nyawa.

"Kapal terbang ialah kenderaan yang tidak begitu `forgiving'. Kalau kita tidak tahu selenggara dan kendali dengan teliti, ia akan terbabit dalam kemalangan.

"Penerbangan bukan sama seperti memandu kereta, tidak akan jatuh, melainkan kita tak tahu memandu. Tetapi kapal terbang yang tidak diselenggara dengan baik akan membawa kepada kemalangan jiwa," katanya ketika melancarkan serentak tiga program berkaitan penerbangan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi, di sini hari ini.

Program itu ialah `The Great Malaysian Air Rally', Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia-Rakan Muda dan hompej Muzium TUDM.

`The Great Malaysian Air Rally' adalah program penerbangan pesawat ringan anjuran Le Proton Lima Sdn Bhd sempena konvensyen dan pameran `Langkawi Fly-In `97'.

Pelancaran Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia-Rakan Muda pula membentuk anjuran bersama Persatuan Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, Datuk Mohd Radzi Manan.

Dr Mahathir berkata, dalam aspek penerbangan, segala-galanya perlu dianggap penting, bermula dari mempelajari cara memandu sehingga kepada menyelenggara, memeriksa dan menentukan pesawat supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat.

(END)